

WAR 36 HALAL VAKSIN DI MALAYSIA, MENANGANI KUMPULAN ANTI VAKSIN SATU CABARAN MASAKINI

Azimah Mohd Masri, Syamilah Musa, Mohd Norzi Nasir

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

azimah@kuis.edu.my, syamilah@kuis.edu.my, mohdnorzi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Vaksin adalah sesuatu yang dihasilkan dari mikroorganisma yang diberikan pada kanak-kanak atau orang dewasa untuk merangsangkan imuniti dan mengelakkan penyakit berjangkit. Pemberian vaksin di Malaysia telah dipraktikkan sejak sekian lama. Di Malaysia pemberian vaksin dimulakan semenjak daripada seseorang itu dilahirkan sehinggalah dia menjelang dewasa juga tidak dilupakan kepada warga emas. Semenjak dari dulu hingga kini isu vaksin halal sentiasa menjadi perhatian dan perbincangan kepada rakyat Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Manakala semenjak akhir-akhir ini telah berkembang semula golongan anti vaksin di Malaysia. Objektif kertas kerja ini adalah membentangkan kepentingan vaksin di Malaysia dan menerangkan tentang pandangan fatwa dan ulama tentang vaksin halal di Malaysia. Kertas kerja ini merupakan sorotan literature mengenai kajian tentang pemberian vaksin di Malaysia dan pandangan ulama dan fatwa tentang vaksin halal di Malaysia, Permasalahan kajian untuk kertas kerja ini adalah berkembangnya kumpulan anti vaksin di Malaysia kerana kurang keyakinan terhadap status halal vaksin di Malaysia dan juga kurang kefahaman dan pengetahuan tentang kepentingan juga kebaikan vaksin terhadap manusia. Kertas kerja ini menjadi rangka awal kepada kajian yang lebih terperinci oleh penyelidik untuk menjalankan kajian tentang vaksin halal di Malaysia dalam menangani kumpulan anti vaksin yang sebahagian besarnya adalah muslim.

Kata Kunci: Halal, vaksin, imunisasi, anti vaksin

PENGENALAN

Pemberian vaksin di Malaysia telah dipraktikkan sejak sekian lama, ia merupakan satu proses pemberian imunisasi untuk membina sistem pertahanan tubuh badan manusia daripada sebarang penyakit berjangkit dan penyakit yang berisiko untuk diperolehi seseorang. Di Malaysia pemberian vaksin dimulakan semenjak daripada dilahirkan sehinggalah dia menjelang dewasa juga tidak dilupakan kepada warga emas. Semenjak dari dulu hingga kini isu vaksin halal sentiasa menjadi perhatian dan perbincangan kepada rakyat Malaysia yang majoritinya beragama Islam. Manakala semenjak akhir-akhir ini telah mula wujud semula golongan anti vaksin di Malaysia. Objektif kertas kerja ini adalah membentangkan kepentingan vaksin di Malaysia dan menerangkan tentang pandangan fatwa dan ulama tentang vaksin halal di Malaysia. Tujuannya bagi meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang kepentingan vaksin dan menyakini status vaksin halal di Malaysia seterusnya menolak kefahaman anti vaksin di Malaysia supaya kefahaman dan pengaruh golongan ini tidak terus berkembang.

DEFINISI VAKSIN

Vaksin berasal dari bahasa latin *vacca* (sapi) dan *vaccinia* (cacar sapi). Vaksin adalah bahan antigenik yang digunakan untuk menghasilkan kekebalan aktif terhadap suatu penyakit sehingga dapat mencegah atau mengurangi pengaruh infeksi oleh organisme. Vaksin adalah sesuatu yang dihasilkan dari mikroorganisma yang diberikan pada kanak kanak atau orang dewasa untuk merangsangkan imuniti dan mengelakkan penyakit berjangkit.

Vaksin sebenarnya adalah berupa virus atau bakteria yang telah dilemahkan sehingga tidak menimbulkan penyakit. Sesetengah Vaksin dapat juga terhasil daripada organisme mati atau hasil-hasil pemurniannya (protein, peptida, partikel serupa virus, dan sebagainya).

KEPENTINGAN VAKSIN

Vaksin akan mempersiapkan sistem kekebalan manusia atau haiwan untuk bertahan terhadap serangan patogen tertentu, terutama bakteria, virus, atau toksin. Vaksin juga dapat membantu sistem kekebalan untuk melawan sel-sel degeneratif (kanser). Pemberian vaksin diberikan untuk merangsang sistem imunologi tubuh untuk membentuk antibodi spesifik sehingga dapat melindungi tubuh dari serangan penyakit yang dapat dicegah dengan vaksin. Ada beberapa jenis vaksin. Namun, apa pun jenisnya, tujuannya adalah sama, yaitu menstimulasi reaksi kekebalan tanpa menimbulkan penyakit iaitu meningkatkan imuniti tubuh badan manusia. Penyakit berjangkit adalah penyebab utama berlakunya kecacatan dan kematian di kalangan kanak-kanak. Penyakit berjangkit ini boleh mengakibatkan morbiditi yang tinggi dan mortaliti. Imunisasi adalah cara yang efektif dalam mencegah dan mengurangkan penyakit ini.

BAHAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT VAKSIN

Vaksin dihasilkan dari kuman (atau bahagian dari tubuh kuman) yang menyebabkan penyakit. Sebagai contoh vaksin campak dihasilkan dari virus campak, vaksin polio dihasilkan dari virus polio, vaksin cacar dihasilkan dari virus cacar, dan lain lain lagi. Perbezaannya terletak pada cara pembuatan vaksin tersebut.

Terdapat dua jenis vaksin, iaitu hidup dan mati. Untuk membuat vaksin hidup, virus hidup dilemahkan dengan melepaskan virus ke dalam tisu organ dan darah binatang (seperti ginjal monyet dan anjing, embrio anak ayam, protein telur ayam dan itik, serum janin lembu, otak anab, darah babi atau kuda dan nanah cacar lembu) proses ini dilakukan beberapa kali (dengan proses yang berperingkat peringkat) hingga kurang lebih 50 kali untuk mengurangkan potensinya.

JENIS-JENIS VAKSIN

Antara jenis-jenis vaksin adalah:

1. *Live attenuated vaccine*

Vaksin hidup yang dibuat dari bakteri atau virus yang sudah dilemahkan daya virulensinya dengan cara kultur dan perlakuan yang berulang-ulang, namun masih boleh meningkatkan reaksi imunologi yang serupa dengan infeksi alamiah.

2. *Inactivated vaccine (Killed vaccine)*

Vaksin dibuat dari bakteri atau virus yang dimatikan dengan zat kimia (*formaldehid*) atau dengan pemanasan, dapat berupa seluruh bahagian dari bakteri atau virus, atau bahagian dari bakteri atau virus atau toksoidnya sahaja.

3. **Vaksin Toksoid**

Vaksin yang dibuat dari beberapa jenis bakteri yang menimbulkan penyakit dengan memasukkan racun dilemahkan ke dalam aliran darah.

4. **Vaksin Acellular dan Subunit**

Vaksin yang dibuat dari bahagian tertentu dalam virus atau bakteri dengan melakukan kloning dari gen virus atau bakteri melalui kombinasi DNA, vaksin vektor virus dan vaksin antiidiotipe.

Imunisasi adalah proses meningkatkan ketahanan badan terhadap penyakit berjangkit samada secara pasif atau aktif. Imunisasi pasif berlaku apabila manusia disuntikkan dengan antibodi yang tersedia untuk menghalang penyakit-penyakit tertentu. Imunisasi aktif pula berlaku apabila badan manusia dirangsang untuk menghasilkan antibodi dengan pendedahan kepada vaksin atau agen penyakit berjangkit. Dari segi Islam, vaksin adalah penting kerana Islam amat menitik beratkan tentang kesihatan dalam segenap aspek kehidupan. Menjaga nyawa adalah agenda yang kedua penting dalam Islam selepas menjaga akidah.

Justeru itu, vaksin yang sudah diketahui oleh masyarakat untuk menjaga kesihatan merupakan perkara yang dituntut oleh Islam. Perubahan masa dan pengetahuan berkenaan perubatan moden menjadikan ilmu immunologi ini penting untuk diketahui dan dikaji untuk masalah ummah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Gerakan anti-vaksin kini semakin menular dengan kemunculan artikel di portal berita, laman sesawang dan jaringan media social (Khoo Yoong Khean, 2013). Perkembangan ini amat membimbangkan banyak pihak dan seharusnya isu ini ditangani dengan segera oleh pihak berwajib sebelum lebih ramai ibu bapa membuat keputusan yang akan membahayakan hidup anak-anak mereka.

Walaupun terdapat banyak kajian yang menyatakan bahawa vaksin adalah selamat, terdapat beberapa orang yang tetap percaya bahawa vaksin memudaratkan kanak-kanak. Malah ada yang mendakwa vaksin adalah konspirasi Yahudi. Terdapat ramai golongan anti vaksin ini menjadikan status halal vaksin yang diragui oleh pihak mereka, menyebabkan mereka menolak untuk menerima sebarang vaksin.

Vaksin telah dicipta seawal 1930an dan digunakan di serata dunia untuk mencegah penyakit-penyakit merbahaya. Fakta ini disahkan oleh *World Health Organization* (WHO). Orang

awam perlu terlebih dahulu memahami konsep asas imunologi dan vaksin sebelum mempercayai bulat-bulat dakwaan bahaya vaksin.

VAKSIN DI MALAYSIA

Vaksin-vaksin terkini yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berpandukan kepada Perluasan Program Imunisasi (EPI - *Expanded Immunisation Programme*) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO- *World Health Organization*). Vaksin-vaksin ini diberi secara percuma kepada semua bayi dan kanak-kanak di semua klinik kesihatan kerajaan dan ia merangkumi 10 jenis vaksin yang boleh menghalang penyakit. Pemberian vaksin secara menyeluruh adalah penting untuk menjayakan program imunisasi ini. Lebih banyak vaksin mungkin akan diperkenalkan pada masa akan datang. Jadual imunisasi yang sedia ada ini mungkin akan diubahsuai dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan. Terdapat pelbagai vaksin baru dan lain-lain jenis vaksin di pasaran Malaysia. Walau bagaimanapun, klinik dan hospital swasta mungkin menggunakan produk vaksin yang sedikit berbeza daripada yang digunakan oleh pusat kesihatan kerajaan.

Imunisasi adalah salah satu cara yang amat berkesan untuk melindungi kanak-kanak seterusnya penduduk negara ini dari jangkitan penyakit yang boleh dicegah oleh imunisasi. Vaksin-vaksin terkini yang disediakan oleh KKM adalah berpandukan kepada Perluasan Program Imunisasi (EPI- *Expanded Immunisation Programme*) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO- *World Health Organization*).

SEJARAH PEMBERIAN VAKSIN DI MALAYSIA

Kajian menunjukkan Perkhidmatan imunisasi di Malaysia telah bermula semenjak zaman pemerintahan British pada tahun 1868. Pada masa itu, hanya imunisasi bagi mencegah cacar (*smallpox*) sahaja yang diberikan. Ia bermula di Negeri-negeri Selat dan diberikan oleh guru besar – guru besar Melayu di kawasan komuniti Melayu.

Pada tahun 1950-an, imunisasi cacar diperluaskan ke seluruh negara. Dalam usaha kerajaan membasmi cacar pada masa itu, imunisasi telah diwajibkan dan mereka yang gagal mendapatkannya telah dikenakan denda sebanyak RM 1,000.00. Imunisasi ini telah berjaya menurunkan bilangan kes serta wabak cacar selepas itu sehingga cacar dapat dibasmi pada tahun 1980.

Pada awal tahun 1990-an difteria dan tetanus pula diperkenalkan; penyakit yang mempunyai kadar kematian yang tinggi. Dengan perkembangan teknologi pada tahun 1961, imunisasi BCG bagi mencegah *tuberculosis* diberikan dalam usaha negara mengawal penyakit tersebut. Imunisasi poliomyelitis dimulakan pada tahun 1972 selepas wabak polio berlaku pada tahun sebelumnya. Pada tahun 1972 juga, KKM memulakan Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan secara tersusun dengan kerjasama dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sehingga kini, imunisasi yang diberikan kepada kanak-kanak di bawah Program Imunisasi KKM adalah bagi mencegah 12 jenis penyakit. Perkhidmatan ini diberi percuma di Klinik Kesihatan Kerajaan. Manakala perkhidmatan imunisasi yang diberikan oleh klinik dan hospital swasta meliputi lebih banyak penyakit. Imunisasi telah memberi kesan yang sangat

besar kepada kesihatan kanak-kanak. Ia merupakan satu cara mencegah penyakit yang paling berkesan dan murah

Justeru itu, KKM telah melaksanakan program imunisasi ini bagi mencegah penyakit-penyakit tersebut imunisasi telah diberikan secara berjadual dan semua pihak yang berkaitan dengan kesihatan penduduk dikehendaki memantau pemberian imunisasi ini supaya semua rakyat Malaysia dapat menerima imunisasi ini mengikut jadual yang telah ditetapkan:

Penyakit yang dilindungi melalui Imunisasi yang boleh diperolehi di Klinik Kerajaan Malaysia

| Penyakit | Pelalian Vaksin / | Cara Vaksin diberi | Komplikasi Penyakit |
|------------------------|--|---|--|
| Tibi | BCG | Di bawah kulit lengan | Disebabkan oleh bakteria <i>Mycobacterium tuberculosis</i> yang menjangkiti paru-paru, selaput otak (meningitis) dan terus merebak kepada organ lain. Penyakit tibi merebak melalui udara. Ia boleh menyebabkan batuk berterusan dan batuk berdarah. |
| Difteria (Batuk Ayam) | Kombinasi Difteria-Pertussis-Tetanus-Haemophilus influenza type b-Polio (Dtap-IPV/Hib) | DTap/ HiB/ IPV diberikan melalui suntikan di paha (untuk kanak-kanak dibawah umur 1 tahun) atau tangan (untuk kanak-kanak yang lebih daripada 1 tahun). | Disebabkan oleh bakteria <i>Corynebacterium diphtheriae</i> yang menjangkiti kerongkong menyebabkan sesak nafas dan kematian. Ia merebak melalui titisan air ketika batuk atau bersin. Tempoh inkubasi adalah antara dua hingga enam hari. |
| Tetanus (Kancing gigi) | Kombinasi Difteria-Pertussis-Tetanus-Haemophilus influenza type b-Polio (Dtap-IPV/Hib) | DTap/ HiB/ IPV diberikan melalui suntikan di paha (untuk kanak-kanak dibawah umur 1 tahun) atau tangan (untuk kanak-kanak yang lebih daripada 1 tahun). | Akibat jangkitan <i>Clostridium tetani</i> yang menyebabkan kekejangan otot terutama di leher dan di dagu. |
| Pertusis | Kombinasi | DTap/ HiB/ IPV | Jangkitan menyebabkan batuk yang |

| | | | |
|------------------------------|---|---|---|
| (Batuk Kokol) | Difteria- Pertussis- Tetanus- Haemophilus influenza type b-Polio (Dtap- IPV/Hib) | diberikan melalui suntikan di paha (untuk kanak-kanak dibawah umur 1 tahun) atau tangan (untuk kanak-kanak yang lebih daripada 1 tahun). | lama dan teruk. Ia merebak memalui titisan air ketika batuk atau bersin. |
| Polio | Kombinasi Difteria- Pertussis- Tetanus- Haemophilus influenza type b-Polio (Dtap- IPV/Hib) | DTap/ HiB/ IPV diberikan melalui suntikan di paha (untuk kanak-kanak dibawah umur 1 tahun) atau tangan (untuk kanak-kanak yang lebih daripada 1 tahun). | Disebabkan oleh virus polio yang mengakibatkan kanak-kanak mengalami kelumpuhan kerana serangan virus di system urat saraf. Ia dipindahkan melalui sentuhan najis, mukus atau air liur orang yang menghidapinya. |
| Haemophilus influenza type b | Kombinasi Difteria- Pertussis- Tetanus- Haemophilus influenza type b-Polio (Dtap- IPV/Hib) | DTap/ HiB/ IPV diberikan melalui suntikan di paha (untuk kanak-kanak dibawah umur 1 tahun) atau tangan (untuk kanak-kanak yang lebih daripada 1 tahun). | Menyerupai demam selesema tetapi bakteria ini boleh merebak ke paru-paru (menyebabkan pneumonia) dan ke otak menyebabkan meningitis. |
| Hepatitis B | Hepatitis B | Melalui suntikan di otot paha | Penyakit kronik yang menyebabkan kerosakan hati dan barah hati akibat jangkitan virus hepatitis B. Ia merebak melalui hubungan seks, kehamilan (ibu kepada anak), perkongsian alat seperti berkongsi jarum suntikan di kalangan penagih dadah, berkongsi pisau cukur, berkongsi jarum tatu, bertindik dan sebagainya. |
| Beguk (Mumps) | Kombinasi Vaksin Measles- Mumps- Rubella(MMR) | Melalui suntikan di otot paha | Meyerupai demam selesema tetapi bakteria ini boleh merebak melalui udara ketika pesakit batuk. Ia menyebabkan bengkak pada kelenjar parotid (di bawah dan depan telinga). Tempoh inkubasi adalah antara 14 hingga 21 hari. |

| | | | |
|------------------|---|---------------------------------------|---|
| Campak (Measles) | Kombinasi Vaksin Measles-Mumps-Rubella(MMR) | Melalui suntikan di otot paha | Jangkitan boleh menyebabkan demam dan ruam. Virus boleh merebak ke otak, paru-paru serta ke bahagian telinga dalam. Virus tersebar melalui udara ketika pesakit batuk atau bersin. |
| Rubella | Kombinasi Vaksin Measles-Mumps-Rubella(MMR) | Melalui suntikan di otot paha | Jangkitan boleh menyebabkan demam dan ruam, penyakit lebih ringan dari measles. Jangkitan Rubella semasa mengandung boleh menyebabkan kecacatan kepada bayi dalam kandungan. |
| Cervical cancer | Vaksin HPV | Melalui suntikan di otot paha/ lengan | Dianggarkan 70% daripada kejadian kanser servik disebabkan oleh jangkitan HPV 16 dan HPV 18. Pelalian ini akan mencegah jangkitan dua jenis virus HPV ini dan seterusnya melindungi wanita daripada komplikasi teruk jangkitan iaitu kanser servik. |

Imunisasi ini diberi secara percuma di semua klinik kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), Klinik 1Malaysia dan klinik desa di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual Imunisasi Kebangsaan bagi Kanak-kanak semenjak Lahir hingga Umur 15 tahun

Jadual Imunisasi Baru Kementerian Kesihatan Malaysia

| Imunisasi | Umur dalam bulan | | | | | | | | Tahap persekolahan | | |
|-------------|------------------|------|------|------|------|---------|------|----|--------------------|---------|--------|
| | 0 | 1 | 2 | 3 | 5 | 6 | 12 | 18 | Tahun 1 | Tahun 6 | Tkt. 3 |
| BCG | Dos1 | | | | | | | | Tiada parut* | | |
| Hepatitis B | Dos1 | Dos2 | | | Dos3 | | | | | | |
| DPT+Hib | | | Dos1 | Dos2 | Dos3 | | | | | | |
| DPT/DT | | | | | | | | B | DT | | |
| OPV | | | Dos1 | Dos2 | Dos3 | | | B | B | | |
| Measles | | | | | | Sabah # | | | | | |
| MMR | | | | | | | Dos1 | | Dos Tambahan | | |
| Tetanus | | | | | | | | | | | B |
| Rubella | | | | | | | | | | Dos1 ♀ | |

Pemberian vaksin secara menyeluruh adalah penting untuk menjayakan program imunisasi ini. Lebih banyak vaksin mungkin akan diperkenalkan pada masa akan datang. Jadual imunisasi yang sedia ada ini mungkin akan diubahsuai dari masa ke semasa bergantung kepada keperluan. Semua vaksin yang diberi adalah selamat dan berkesan kerana ia telah mendapat pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

HUKUM MENGAMBIL VAKSIN

Penduduk Malaysia pada tahun 2015 dianggarkan berjumlah 30 juta orang dan daripada jumlah ini 60% adalah beragama Islam (Statistik 2014). Oleh yang demikian, rakyat Islam Malaysia kebanyakannya sentiasa berasa ragu-ragu dengan kandungan vaksin yang diberikan oleh kerajaan Malaysia samada sumbernya halal atau adakah kandungannya mengandungi bahan-bahan dari sumber yang haram. Ramai dari golongan yang ragu-ragu ini enggan mengambil vaksin. Ramai juga golongan ibubapa yang ragu-ragu tahap halal vaksin ini enggan memberi kebenaran kepada pihak hospital atau klinik kesihatan untuk diberi vaksinasi kepada anak-anak mereka.

Hasil daripada keraguan ini kerajaan Malaysia telah mengarahkan supaya Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia mengeluarkan fatwa mengenai vaksin ini. Kebanyakan fatwa seperti fatwa dari Majlis Fatwa Eropah dan Penyelidikan, Majlis Ulama Indonesia, Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia telah membenarkan dan mengharuskan penggunaan vaksin dalam kalangan orang Islam.

Jelas disini ramai ulama bersependapat bahawa vaksin dibenarkan untuk kebaikan sejagat. Berdasarkan fatwa dari segenap pelusuk dunia, kebanyakan ulama berpandangan bahawa vaksinasi adalah satu keperluan untuk menjaga masalah umat Islam. Penentangan terhadap isu vaksin mestilah berasaskan kepada dalil Al-Quran dan As-Sunnah. Namun apabila dilihat dari semua dalil secara umumnya menjuruskan bahawa menjaga nyawa adalah perkara yang penting dalam Islam berdasarkan kepada asas Maqasid Syariah. Justeru asas penolakan vaksin bukanlah terbit atau muncul dari kaedah atau asas Maqasid Syariah.

Dari sudut negara contohnya, Saudi Arabia mengenakan vaksin meningitis supaya jemaah haji tidak mendapat bakteria meningitis yang membunuh jemaah saban tahun. Dari sudut masyarakat, vaksin dilihat memberi perlindungan bukan sahaja kepada kanak-kanak tetapi kepada orang dewasa juga. Contoh virus rubella yang boleh menyebabkan masalah *congenital rubella syndrome* kepada bayi yang lahir, dengan suntikan vaksin kepada orang dewasa ianya sekaligus mencegah *carrier state* serta perpindahan virus kepada ibu mengandung.

Dari sudut individu, vaksin berfungsi melawan penyakit berjangkit supaya generasi yang ada lebih kuat berdaya tahan melawan penyakit berjangkit serta tiada kesan sampingan dan meningkatkan kadar mortaliti dan morbidi akibat wabak tersebut. Jelas disini terdapat banyak kebaikan dengan adanya vaksin iaitu pencegahan penyakit berjangkit (wabak) daripada merebak didalam komuniti walaupun ianya tidak mencecah pencegahan secara 100%. Rata-rata majlis fatwa mengatakan ianya harus atas alasan kepentingan dan kebaikan vaksin dari sudut konsep pencegahan. Namun begitu terdapat juga ulama yang menolak hal ini seperti di Kano Nigeria; natijahnya kes Polio di Kano meningkat secara mendadak.

Vaksin boleh diklasifikasi sebagai ubat yang digunakan untuk meningkatkan kekebalan badan manusia. Ini sesuai dengan hadis “Tidaklah Allah menurunkan penyakit kecuali Allah turunkan ubat untuknya.” (HR A Hurairah).

Pengambilan vaksin termasuk dalam isu penjagaan yang disyariatkan oleh Islam. Vaksinasi ini seumpama persediaan untuk menghadapi peperangan dengan musuh. Islam menyuruh untuk umat Islam bersedia dengan secukupnya dalam menghadapi musuh Islam. Persediaan

tersebut mestilah apa yang terdaya diusahakan seperti alatan perang yang cukup dan tubuh badan yang sihat.

Oleh itu ramai ulamak berpendapat vaksinasi juga mempunyai konsep yang sama dengan isu menghadapi peperangan terhadap musuh Islam. Ia juga boleh diambil dalil dari sebuah hadis Nabi Muhammad yang bermaksud “Sesiapa yang mengambil tujuh biji tamar ajwah, tidak akan terkena racun dan sihir pada hari tersebut”. Hadis ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelak jangkitan dan serangan penyakit sebelum dari berlaku serangan tersebut.

Ibnu al-Arabi menjelaskan dalam perbincangan hadis ini, beliau mengatakan bahawa seseorang yang dapat menjangkakan simptom-simptom penyakit, dan bimbang dijangkiti penyakit tersebut, sesungguhnya diharuskan kepadanya untuk menghilangkan simptom tersebut dengan melakukan rawatan, sesungguhnya menghilangkan sebab akan menghilangkan kesan-kesannya. “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dalam kebinasaan” – Al Baqarah: 195. Di dalam Quran, ada menekankan segala perbuatan kita mesti tidak kearah penyebab kepada kebinasaan. Jadi adanya vaksin adalah usaha kita mengelakkan kebinasaan atau penyakit.

Atas dasar kepentingan masyarakat Islam di Malaysia bagi memastikan produk vaksin itu halal, semua vaksin telah melalui proses saringan, ujian, penyelidikan yang ketat, agar selamat kepada pengguna sebelum sampai ke peringkat umum. Ini secara langsung perlu dilihat dari struktur maqasid syariah (matlamat yang ingin dicapai demi kepentingan manusia) iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Pengambilan vaksin adalah bertepatan dengan tujuan maqasid syariah untuk menjaga survival generasi masa kini dan akan datang.

HUKUM MENGGUNAKAN VAKSIN SEBAGAI ALAT PENCEGAHAN PENYAKIT SEBELUM DARIPADA BERLAKU LAGI

- Galakan untuk mendapat rawatan dan mendapat ubatan yang bersesuaian. Islam menyarankan umatnya agar sentiasa mencari penawar kepada penyakit yang dihidapi, kerana setiap penyakit ada penawar yang perlu dicari, diterokai dan dikaji. sesuai dengan sabda Nabi SAW:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: “Setiap penyakit mempunyai penawar, apabila penawar menepati penyakit tersebut, nescaya akan sembuh dengan izin Allah.”

(Riwayat Muslim)

- Dalam hal ini hukumnya adalah harus. Ini kerana rawatan terdahulu sebelum berlaku wabak atau dibimbangi berlaku satu-satu penyakit adalah dibolehkan. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

مَنْ تَصَبَّحَ بِسَبْعِ تَمَرَاتٍ مِنْ تَمَرِ الْمَدِينَةِ لَمْ يَضُرَّهُ سِحْرٌ وَلَا سَمٌ

Maksudnya: “Barangsiapa makan tujuh butir kurma Madinah pada pagi hari, ia tidak akan terkena pengaruh buruk sihir atau racun.”

(*Riwayat Bukhari*)

Ini termasuk tindakan menghindari penyakit sebelum terjadi. Demikian juga jika dikhuatirkan timbulnya suatu penyakit dan dilakukan immunisasi untuk melawan penyakit yang muncul di suatu tempat atau di mana saja, maka hal itu tidak masalah, karena hal itu termasuk tindakan pencegahan. Sebagaimana penyakit yang datang diobati, demikian juga penyakit yang dikhawatirkan kemunculannya.

- Benarlah sabda Nabi SAW:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرَضٌ عَلَى مُصِحٍّ

Maksudnya: “Jangan didekatkan yang sakit dengan yang sihat.”

(*Riwayat Bukhari*)

- Begitu juga tindakan Saidina Umar Al-Khatab apabila tidak memasuki kawasan wabak taun dan ditanya kepada Amirul Mukminin, adakah kamu takut kepada qada’ Allah dan kamu lari daripadanya? Saidina Umar Al-Khatab menjawab: “Aku lari daripada qada’ Allah kepada qadarnya.” Hal ini dinyatakan oleh sahabat yang lain, Abdul Rahman bin Auf yang menyebut hadis Nabi SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ فِي أَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ ، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا ،

فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila kamu dapati terdapat penyakit taun di dalam mana- mana kawasan maka janganlah kamu mendekati kawasan tersebut, dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terkena taun, maka janganlah kamu keluar lari daripada kawasan tersebut.”

(*Riwayat Bukhari*)

Dalam istilah moden ia dikenali sebagai kuarantin.

HUKUM PENGGUNAAN VAKSIN

- Dalam hal ini, jika diperbuat daripada bahan yang bersih dan suci, maka ia diharuskan
- Jika diperbuat daripada bahan yang najis, ia terbahagi kepada dua:
 - ❖ Jika di sana ada alternatif lain, maka tidak boleh menggunakan vaksin yang najis. Ini kerana sabda Rasulullah SAW daripada Abu Darda' R.Anhu yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan penawar, dan Dia telah menjadikan bagi tiap-tiap penyakit itu penawar, maka kamu semua berubatlah dan janganlah kamu semua berubat dengan (perkara-perkara) yang haram.*”
 - ❖ Jika di sana tidak ada alternatif yang lain, ia dibolehkan kerana ia termasuk dalam perkara darurat. Terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam hal ini.
- Kaedah *المحظورات تبيح الضرورات* iaitu mudarat mengharuskan yang haram. Tetapi kaedah ini diikat dengan kaedah lain iaitu *الضرورات تقدر بقدرها* yang bermaksud menagambil darurat cukup yang perlu sahaja.

Dalam penetapan hukum yang melibatkan penggunaan konsep *dharurah*, terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi sepertimana berikut:

- *Dharurah* itu memang benar-benar berlaku, bukan lagi hanya sangkaan semata-mata ke atas kemusnahan nyawa atau pun harta benda. Kalau [un kekhawatiran itu berdasarkan andaian, andaian itu hendaklah andaian yang kuat seperti telah melalui proses pengalaman dan pemerhatian.
- Orang yang berada dalam keadaan *dharurah* itu tidak ada jalan yang lain dibenarkan oleh syarak untuk mengelakkan kemudharatan itu. contohnya seseorang yang amat perlu untuk meminjam wang, maka ia measti memilih pinjaman tanpa riba' kerana zaman ini sudah ada alternatif untuk melakukan pinjaman dengan tidak menggunakan sistem riba'.
- Orang yang dalam keadaan *dharurah* (terpaksa) itu mestilah berusaha jangan memilih perkara ang terang-terang melanggar prinsip-prinsip asasi syariat Islam dan usul akidah Islam, seperti tidak halalnya ia memilih untuk berzina, membunuh, memilih kufur dan mengambil hak orang lain kerana perkara-perkara berkenaan pada hakikatnya adalah *mafsadah* (kerusakan). Ini bererti jika melepadskan keadaan terpaksa itu tiada jalan yang halal, Cuma yang ada beberapa jalan yang haram, maka ia mesti memilih mudharat yang lebih ringkas dan tidak terang-terang melanggar perkara-perkara asasi dalam Islam.
- Ketika melepaskan keadaan *dharurah*nya seseorang itu mestilah sekadar melakukannya kadar yang perlu sahaja, bukan untuk berselesa melakukan perkara yang terlarang berkenaan berdasarkan kaedah keadaan *dharurah* diukur dengan tingkatannya.
- Dalam isu terpaksa memakan ubat dari produk haram untuk menjaga kepentingan nyawa, syarat tambahan yang perlu dipenuhi ialah pengambilan ubat berkenaan hendaklah disyorkan oleh doktor yang dipercayai pegangan dan amalan agamanya serta mempunyai kepakaran di samping terbukti tiada ubat lain yang halal untuk diambil. Lihat *Penentuan*

Produk Halal-Haram dan Fatwa Vaksin di Malaysia oleh Prof. Madya Dr. Nurdeng Deuraseh, UPM.

BEBERAPA FATWA TENTANG PENGGUNAAN VAKSIN DI MALAYSIA

- Hukum Penggunaan Vaksin Menactra®

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-107 yang bersidang pada 10 - 11 Februari 2015 telah membincangkan Hukum Penggunaan Vaksin Menactra®. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

1. Setelah meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah menegaskan bahawa pada prinsipnya ulama bersepakat bahawa makanan termasuk ubat-ubatan yang dibenarkan oleh Islam untuk digunakan mestilah terdiri daripada bahan-bahan yang baik (*toyyib*) dan halal, serta tidak mempunyai unsur-unsur yang mendatangkan mudharat kepada kesihatan badan dan akal manusia.
2. Muzakarah juga mendapati bahawa dalam proses penghasilan Vaksin Menactra® ini, tiada sebarang komponen bahan mentah yang mengandungi sumber haiwan atau bahan-bahan yang diragui dari aspek syarak digunakan serta tiada perkongsian saluran pemprosesan dengan produk vaksin yang tidak halal.
3. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa **hukum penggunaan Vaksin Menactra® adalah diharamkan.**

- Hukum penggunaan Vaksin Biothrax dan Vaksin Rotateq yang menggunakan unsur babi dalam proses penghasilannya

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 yang bersidang pada 31 Mac 2008 telah membincangkan hukum penggunaan Vaksin Biothrax dan Vaksin Rotateq yang menggunakan unsur babi dalam proses penghasilannya. Muzakarah telah memutuskan bahawa penggunaan vaksin BioThrax dan RotaTeg adalah tidak dibenarkan kerana:

1. Situasi kini dianggap tidak dharurat;
2. Terdapat bahan atau ubat alternatif selain penggunaan unsur babi dalam pemprosesan kedua-dua vaksin; dan
3. Tiada data sokongan yang kuat untuk membuktikan rakyat negara ini memerlukan kedua-dua vaksin ini.

Keterangan/Hujah:

1. *Anthrax* adalah sejenis penyakit berjangkit yang akut dan boleh menyebabkan kematian mengejut dan darah keluar dari semua rongga yang terbuka. Jangkitan *anthrax* boleh berlaku sama ada pada kulit (*cutaneous anthrax*), saluran usus (*Gastrointestinal anthrax*) atau serangan melalui pernafasan (*inhalation anthrax*). Vaksin *BioThrax*TM digunakan sebagai imunisasi atau suntikan pelalian bagi membantu melindungi daripada jangkitan *anthrax*. *RotaTeg* pula ialah vaksin bagi mencegah kes rotavirus yang menyebabkan

muntah dan cirit birit di kalangan kanak-kanak.

2. Islam mengharuskan berubat dengan benda-benda yang diharamkan sekiranya dalam keadaan dharurat iaitu tiada ubat alternatif yang lain adalah berpandu kepada Firman Allah Taala:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرُّرْتُمْ إِلَيْهِ وَإِنَّ كَثِيرًا لَيُضِلُّونَ بِأَهْوَاءِهِمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِالْمُعْتَدِينَ

Maksudnya : "*Dan tidak ada sebab bagi kamu, yang menjadikan kamu tidak mahu makan sari sembelihan binatang-binatang halal yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan ke atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya.*"

(Surah al-An'am : 119)

3. Jumhur Fuqaha' dari Mazhab Hanafi, al-Malikiyyah, pandangan sohih dari Mazhab Syafie dan Hanabilah berpendapat berubat dengan suatu yang najis seperti arak adalah haram dan tidak harus. Dalam konteks ini Prof. Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhayli berpandangan bahawa pada asasnya, haram kita berubat benda yang najis atau haram.

ISU ISU ANTI VAKSIN DI MALAYSIA

Persoalan-persoalan yang kerap diajukan adalah

- 1) **Adakah vaksin (Rotavirus) mengandungi benda yang diharamkan seperti enzim tripsin?**

JAKIM bersama KKM telah bersama mengeluarkan kenyataan bersama berkenaan penggunaan vaksin di Malaysia. Sedikit sebanyak keputusan ini telah melegakan ramai ibubapa yang tidak mempunyai informasi yang tepat. Kita semua ingin vaksin yang dihasilkan adalah halal. JAKIM telah memastikan dan memantau keadaan pemprosesan vaksin dan bersetuju mengakui bahawa status vaksin di Malaysia adalah halal (harus). Ini mungkin menggunakan pendekatan dharurat. Hanya terdapat beberapa jenis vaksin sahaja seperti Rotateq yang difatwa tidak halal. Kita tidak boleh *generalize* semua vaksin adalah haram. KKM pula telah memastikan segala proses pembikinan dan penghasilan vaksin mengikut piawai yang ditetapkan. Ini melalui proses yang lama seperti penyelidikan klinikal ke atas binatang dan manusia sebelum dipercayai dan terbukti berkesan.

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah berkata,

"Adapun najis, maka hukumnya dikembalikan kepada asalnya, iaitu benda najis yang kotor, jika telah berubah hingga menjadi baik, maka dia seperti lainnya yang berasal dari benda yang halal. Seperti misalnya ada darah atau bangkai babi yang jatuh ke air tasik bergaram, lalu ianya menjadi garam yang halal sebagaimana umumnya garam."

Terdapat banyak percanggahan pendapat diantara ramai ulama diantara vaksin halal dan haram dan akhirnya kesepakatan atau ijtihad para ulama di Malaysia menyatakan vaksin adalah harus. Hukum **harus** (maka ianya adalah halal dan dibolehkan) adalah berdasarkan muzakarah fatwa kebangsaan dan hasilnya kerajaan memberi arahan program vaksinasi untuk berjalan di seluruh negara. Sebagai rakyat, arahan ini tidak bercanggah dengan Islam serta arahan berupa program pencegahan untuk kesihatan dan kemaslahatan umum. Jadi ianya tidak perlu ditentang atau dihukum. Enzim binatang yang digunakan merupakan *catalyst* yang melalui proses ultrafiltrasi dan pencairan yang tidak bercampur dengan bahan ketika produk akhir dihasilkan. Vaksin ini telah melalui proses saringan, pencucian dan pembersihan secara total dan ianya harus untuk digunakan.

2) Adakah vaksin mempunyai kesan sampingan atau *adverse effects*?

Ya, memang benar vaksin ada kesan sampingan seperti masalah alahan atau neurologi. Jika kesan begini berlaku maka ia perlu dilaporkan segera kepada pihak farmakovigilan. Jika benar kesan sampingan vaksin yang tinggi dan berlaku mortaliti atau morbiditi secara statistik, sewajarnya vaksin tidak diberikan atau diharamkan pada populasi. Ini tidak berlaku di Malaysia atau di dunia sekalipun. Konsep qada' qadar perlu disemai kepada masyarakat Islam amnya – iaitu mempercayai kita perlu berusaha untuk pencegahan penyakit secara spesifik dan Allah menentukan kejayaannya. Doktor biasanya mempunyai indikasi tertentu sama ada vaksin boleh diberi atau di hentikan. Pesakit perlu letakkan konsep tawakkal pada Allah SWT dalam segala perbuatan harian. Kita perlu timbang kebaikan dan keburukan vaksin. Jika kebaikan melebihi keburukan, usaha murni begini adalah usaha untuk memasti anak anak dan generasi kita selamat. Segala kesan yang berlaku (sama ada kesan dari vaksin seperti alergi/alahan atau vaksin tidak dapat memberi pencegahan atau kesan penyakit) adalah daripada Allah SWT dan kita perlu menjurus segala amal dan pergantungan kita padaNya. Kita hanya berusaha dan Allah menentukan segala perancangan.

KESIMPULAN KEPADA VAKSIN

Islam adalah agama yang praktikal dan mudah. Jika kita meletakkan hukum *haram* ke atas benda yang *harus* adalah seperti kita meletakkan umpama air yang boleh diminum di anggap sebagai arak. Dalam pada itu jika kita berdepan dengan percanggahan hukum, kita mesti melihat kelebihan dari aspek maqasid syariah, uruf masyarakat dan maslahat masyarakat serta panduan praktikal daripada ilmuan Islam dan pakar pakar perubatan. Sebagai ibubapa, kita semua ada hak untuk memilih sama ada ingin memberi vaksin atau tidak kepada anak-anak kita, keputusan ibubapa mencerminkan usaha murni untuk mencegah anak anak dan generasi akan datang daripada penyakit berjangkit.

Perbezaan feqah tidak wajar menjadi perpecahan dan pertelagahan ummah kerana ianya hanya merupakan cabang dalam Islam. Ruh begini diambil oleh Imam Syafie dimana beliau menghormati ijtihad imam imam yang lain. Penyebaran berita yang negatif adalah salah, kerana kerajaan dan pihak berkuasa telah memberi kata sepakat yang positif dalam isu vaksin, untuk meleraikan kekusutan dan kebimbangan rakyat.

PENUTUP

Antara bukti yang menunjukkan Islam amat menitik beratkan penjagaan kesihatan adalah seperti berikut:

1. Meletakkan kesihatan adalah sebaik-baik nikmat selepas nikmat iman.
2. Meletakkan konsep mudah dan menolak kesukaran di dalam syariat Islam.
3. Nas-nas yang banyak mengenai pencegahan penyakit.
4. Perintah untuk mendapatkan rawatan dan keharusan berubat dengan menggunakan benda haram.

Al-‘Aili Abdul Hakim dalam buku *Mausu‘ah Huquq al-Insan fi al-Islam*, menyifatkan kesihatan individu merupakan tuntutan agama dan kehidupan, di mana ia akan memberi manfaat kepada kehidupan seluruh umat manusia. Dalam isu ini, vaksin bukan lagi merupakan kehendak seseorang, tetapi bahan pencegah ini kini menjadi keperluan kepada masyarakat secara umumnya. Fenomena ibubapa enggan memberikan suntikan vaksin kepada anak-anak mereka di klinik-klinik adalah amat membimbangkan. Perbuatan ini bukan sahaja merbahaya kepada anak-anak yang merupakan generasi masa depan kita, tetapi juga boleh menjadi punca merebaknya jangkitan penyakit-penyakit merbahaya tersebut.

Dalam hal ini Islam amat menitikberatkan keselamatan umat manusia. Sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan untuk masalah ummah hanya diperakukan oleh syarak sekiranya tidak bercanggah dengan Maqasid Syar’iyyah iaitu menjaga agama, nyawa, aqal, keturunan dan harta. Menurut fuqaha’, sebarang penyakit perlu dihindari, dirawat dan diubati. Dalam konteks ini pencegahan daripada sebarang bentuk gejala yang boleh menjejaskan kesihatan dan nyawa adalah menjadi pegangan dan keutamaan ajaran Islam.

Semoga dengan pencerahan ini kita tidak ragu lagi dalam mengizinkan penggunaan vaksin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk maslahat dalam kalangan kita.

RUJUKAN

Irsyad fatwa ke-30: hukum vaksin daripada perspektif islam
http://www.muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=320:irsyad-fatwa-ke-29-hukum-vaksin-daripada-perspektif-islam&catid=48&itemid=333.

Respon kkm terhadap isu homebirth dan anti-vaksin
<http://kpkesihatan.com/2015/06/11/respon-kkm-terhadap-isu-homebirth-dan-anti-vaksin/>

Vaksin di malaysia <http://www.myhealth.gov.my/index.php/bayikanak-kanak/imunisasi/vaksin>

Program imunisasi di malaysia <http://www.mm Gazette.com/program-imunisasi-di-malaysia-lai-siew-shyuan/>

Http://www.infosihat.gov.my/infosihat/media/garis_panduan/i/pdf/03_imunisasikanak_bm. <http://www.myhealth.gov.my/>

kebaikan vaksin mengatasi kesan sampingan
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0205&sec=kesihatan&pg=kn_02.htm#ixzz3mwkuko56 © utusan melayu (m) bhd

Khoo Yoong Khean 2013 <http://www.mm Gazette.com/anti-vaccination-movement-is-misinformed>